

Wujud persekitaran selesa bantu anak fokus ketika PdPR

Oleh **Dr Noradilah Md Nordin** - Jun 15, 2021 @ 11:09am bhpendidikan@bh.com.my
Penulis adalah Pensyarah Kanan, Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang



Wujudkan juga persekitaran yang kondusif dan berusaha mengatasi kekurangan yang ada. - Foto hiasan

ANTARA cabaran Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) yang jarang diperkatakan tetapi perlu diharungi murid adalah kesannya terhadap perkembangan emosi dan kesihatan diri.

Isu ini jarang diungkapkan kerana kebanyakan kita lebih tertumpu pada hal berkaitan ketiadaan gajet, liputan internet yang tidak cekap, persekitaran rumah tidak kondusif, bebanan tugas dan tempoh pengajaran dan pembelajaran yang panjang.

Semua faktor itu sebenarnya jika dirangkumkan secara tidak sedar mampu mempengaruhi pembentukan moral, disiplin juga kesihatan mereka.

Bagaimanapun, kita tidak punya banyak pilihan. Semua cabaran itu perlu dilalui kerana seperti kata Pendeta Za'ba, ilmu pengetahuanlah yang menjadi penyelamat manusia daripada kemunduran.

Susulan perkembangan semasa penularan COVID-19 di Malaysia, PdPR perlu diteruskan seperti mana diumumkan Kementerian Pendidikan (KPM). Malah berdasarkan situasi semasa juga, kita tidak boleh menjangkakan bilakah sesi pembelajaran secara bersemuka akan kembali diadakan.

Jika kita membincangkan dari sudut emosi dan kesihatan, PdPR

mendedahkan murid kepada skrin komputer dalam tempoh yang lama sekali gus berupaya merosakkan keadaan mata secara fizikal sekiranya tiada langkah pencegahan dilakukan. Malah, ia juga berpotensi menjelaskan postur badan dan sakit belakang.

Kajian menunjukkan tempoh berdepan dengan skrin yang panjang bukan sahaja menjelaskan kesihatan fizikal bahkan turut mempengaruhi corak tidur dan seterusnya mengganggu emosi pelajar.

Gangguan emosi ini akan memberi kesan yang amat besar terhadap perkembangan mereka terutama dari sudut perkembangan intelek, jasmani dan rohani.

Justeru dalam hal ini, ibu bapa perlu memainkan peranan yang signifikan bagi membantu pelajar menyesuaikan diri.

Jika sebelum ini, tugas mengajar itu diserahkan kepada guru namun PdPR mengkehendaki sebaliknya. Guru mengajar tetapi ibu bapa yang seharusnya mengawasi supaya anak mereka tidak keciciran.

Dalam keadaan semasa, ibu bapa perlu berlapang dada menggalas sebahagian tugas mengajar yang sebelum ini dipikul guru. Ibu bapa adalah sistem sokongan paling dekat dengan murid, justeru berkomunikasilah dengan anak setiap hari bagi mengetahui perkembangan mereka.

Misalnya, jika dilihat anak-anak keletihan atau tidak bermaya selepas selesai PdPR, benarkan mereka berehat sebelum menyambung tugasannya seterusnya.

Pastikan juga mereka punya waktu riadah di rumah yang dapat memberi kelegaan setelah penat seharian mengulang kaji pelajaran. Ia membantu anak kembali bertenaga malah mengembalikan emosi positif mereka.

Pelajar umumnya golongan yang mudah hilang fokus dan mudah tertekan ketika proses belajar sama ada secara bersemuka apatah lagi ketika PdPR. Hal ini mungkin disebabkan tidak faham dengan subjek yang diajar.

Jika dalam sistem pendidikan sebelumnya, ketidakfahaman itu boleh diselesaikan dengan bertanya pada guru atau kawan-kawan. Malah ada kala guru tampil bukan sekadar memberi tunjuk ajar tetapi juga nasihat dan motivasi.

Hari ini, sistem pendidikan sudah berubah. Dalam keadaan sekarang ibu bapa yang perlu sentiasa memberi dorongan dan menjelaskan ketidakfahaman.

Mungkin antara kaedahnya, ibu bapa boleh menggalakkan anak bertanya soalan secara berhemah kepada guru sekiranya tidak memahami kandungan yang sedang dipelajari ketika PdPR.

Malah mungkin juga ibu bapa turut perlu berkomunikasi dengan guru sekiranya anak mereka tidak dapat mengikuti kelas yang dijadualkan.

Hal ini memberi ruang untuk guru memahami keadaan dan mengambil inisiatif untuk mengatasi masalah itu.

Ini amatlah penting bagi memastikan pelajar mempunyai sistem sokongan emosi yang terbaik dan secara tidak langsung membantu pelajar menguasai pelajaran.

Wujudkan juga persekitaran yang kondusif dan berusaha mengatasi kekurangan yang ada. Persekitaran selesa secara tidak langsung meningkatkan fokus anak untuk belajar dan membantu mereka untuk berasa selesa dan seronok.

PdPR juga mengubah tanggungjawab guru. Falsafah Pendidikan Kebangsaan dirangka jauh sebelum kewujudan COVID-19, justeru tidak semua sasarannya boleh dicapai serta merta. Namun penambahbaikan sistem pendidikan sudah banyak diusahakan.

Justeru bagi memantapkan lagi tujuan itu guru perlu dilengkapi kemahiran yang selari dengan perkembangan semasa bagi meningkatkan kemahiran mereka.

Ia merangkumi teknik pengajaran dan pembelajaran yang lebih teratur dan mampu mengekalkan minat murid untuk fokus pada PdPR.

Satu hal yang nyata, ada sebilangan murid yang tertekan kerana tidak dapat mengikuti PdPR atas pelbagai tidak mampu menyediakan peranti selain masalah liputan internet yang tidak memuaskan. Mereka sebenarnya lebih tertekan berbanding pelajar yang lain kerana merasa ketinggalan berbanding rakan lain.

Dalam hal ini, guru boleh membantu mereka dengan pelbagai kaedah. Misalnya rakaman video malah ada guru yang gigih menghantar nota dan latihan ke rumah pelajar.

Guru juga sebenarnya tertekan kerana mereka terikat pada silibus dan laporan yang perlu dihantar kepada pihak berwajib sebagai bukti PdPR dilaksanakan.

Keadaan ini mendorong guru memberikan terlalu banyak latihan kepada murid. Tekanan itu 'diagihkan' kepada ibu bapa yang kemudiannya berasa terbebani pula dalam membantu anak-anak menyiapkan latihan.

Dalam hal ini, KPM perlu menilai semula kaedah pengajaran misalnya meminimumkan pemberian latihan sewaktu PdPR tetapi dalam waktu yang sama dapat memastikan objektif pembelajaran masih dapat dicapai.

Jelasnya, keberkesanan PdPR memerlukan kerjasama semua pihak.

Tidak dinafikan, tekanan, bebanan, kerisauan, keletihan minda dan fizikal menguji kesabaran. Ia bukan hanya membabitkan murid tetapi guru dan ibu bapa.

COVID-19 membawa bersamanya bukan sahaja risiko kesihatan tetapi norma baharu yang perlu lekas kita sesuaikan dengan kehidupan.

Dalam hal ini sistem pendidikan kita juga berubah namun kita perlu tabah menghadapinya demi pembangunan ketamadunan. Pembabitan secara menyeluruh jentera KPM dan pelajar juga ibu bapa diperlukan bagi memastikan sistem pendidikan bergerak di atas landasan yang betul.